

UMP pertingkat pengambilan pelajar baru

um(pimur) Jumaat 4/7/08 ps: B10

Oleh Samsudin Awang

KUANTAN: Universiti Malaysia Pahang (UMP) meningkatkan pengambilan pelajar dua kali ganda pada kemasukan sesi 2008-2009 bermula semalam, bagi menyediakan lebih banyak peluang kepada lepasan sekolah meneruskan pengajian di universiti itu.

Seramai 1,760 pelajar baru mendaftar di kampus UMP, Gambang dekat sini pagi semalam, berbanding sesi pengambilan sebelum ini yang hanya membabitkan antara 800 hingga 900 pelajar saja.

Jumlah kemasukan pelajar semalam adalah yang tertinggi diterima UMP dengan menawarkan 22 program pengajian berasaskan teknologi kejuruteraan pada peringkat diploma dan sarjana muda.

Pada pengambilan kali ini juga, UMP menawarkan lima program pengajian baru iaitu Sarjana Muda (SM) Kejuruteraan Pembuatan, SM Sains Gunaan, SM Kimia Industri, SM Pengurusan Projek, SM

Pengurusan Teknologi Industri dan SM Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.

Seramai 270 pelajar dari seluruh negara mendaftar bagi kursus baru itu yang tempoh pengajiannya selama empat tahun.

Naib Canselor UMP, Datuk Prof Dr Daing Nasir Ibrahim berkata, walaupun pengambilan kali ini yang tertinggi direkodkan UMP, tetapi ia tetap mengimbangi jumlah pelajar lelaki dengan wanita.

"Pelajar lelaki adalah 50.15 peratus dan pelajar perempuan 49.85 peratus manakala program yang paling ramai pengambilan adalah kursus di Fakulti Kejuruteraan Kimia Dan Sumber Asli iaitu seramai 390 pelajar baru.

"Selain itu, pada pengambilan ini juga, UMP menerima pelajar sulung bagi dua fakulti baru iaitu Kejuruteraan Pembuatan & Pengurusan Teknologi dan Fakulti Sains & Teknologi Industri.

"Kampus UMP yang terletak dalam persekitaran perindustrian pesat di Pahang ketika ini, menjadikannya



PRIHATIN: Dr Daing Nasir (kiri) menyemak dokumen pelajar Orang Asli Maslinda Samad, 20, yang mendaftar sebagai pelajar baru UMP sambil diperhatikan ahli keluarga pelajar itu, kelmarin.

amat kondusif sebagai sebuah institusi pengajian tinggi (IPT) yang terulung di Pantai Timur berteraskan pengajian kejuruteraan, teknologi dan industri," katanya.

Daing Nasir berkata, pada

pengambilan tahun ini juga, UMP menerima ramai pelajar pelbagai kaum yang meminati pengajian kejuruteraan termasuk pelajar pertama di kalangan Orang Asli yang mendaftar kursus Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan.

"Semua pelajar baru UMP ditempatkan di 15 blok asrama sekitar kampus di Bandar MEC Gambang, manakala program orientasi Minggu Induksi Siswa (Minds) akan berlangsung sehingga 5 Julai depan," katanya.